

KEPIMPINAN WANITA MENURUT PERSPEKTIF AL-QURAN DAN AS-SUNNAH

Syaza Zafirah Binti Ab Rahim¹
Humaira Binti Zainuddin
Nur Filzah Binti Nor Rahmat

¹Faculty Of Quranic and Sunnah Studies, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia, (Email: zafirah679@gmail.com)

Abstrak: *Isu kepemimpinan wanita seringkali menjadi perbualan hangat dalam kalangan masyarakat. Isu yang paling kritikal dalam kepemimpinan wanita adalah mereka sering diperlekehkan oleh pengikut wanita dan pemimpin wanita yang lain. Situasi ini seumpama api dalam sekam, seharusnya wanita lebih memahami dan memberi sokongan kepada kepemimpinan wanita yang menerajui sesuatu organisasi. Islam merupakan agama rahmatan lil alamin yang diturunkan bagi menyempurnakan akhlak manusia serta mengatur tujuan hidup dalam Islam supaya menjadi lebih harmoni dan damai. Begitulah kehadiran Islam untuk membaiki darjat dan perlakuan manusia terhadap wanita. Allah SWT dalam Al-Quran menjelaskan, kedudukan wanita dalam Islam sama dengan lelaki. Kajian ini bertujuan untuk mengetahui kepemimpinan wanita menurut perspektif al-Quran dan as-Sunnah. Kajian ini mengambil pendekatan kualitatif dengan menggunakan kajian perpustakaan untuk mengumpulkan maklumat dan pendapat berkaitan tajuk. Kajian ini mendapatkan takrif kepemimpinan, kepemimpinan wanita menurut al-Quran dan as-Sunnah serta posisi wanita dalam politik menurut perspektif Islam. Justeru, diharapkan agar kajian ini dapat menjadi manfaat dan pengetahuan kepada masyarakat mengenai kepemimpinan wanita.*

Kata Kunci: Kepimpinan wanita, peranan, organisasi

PENDAHULUAN

Kepimpinan wanita melalui pelbagai bentuk, tahap, peranan dan penglibatan adalah sesuatu yang tidak dapat disangkal atau diragui bahkan semakin mendapat kepercayaan dan dihargai di seluruh dunia. Penglibatan wanita dalam bidang politik, sama ada secara langsung atau tidak langsung, bukanlah merupakan satu fenomena yang baru. Dalam sejarah Islam, kedudukan wanita pada zaman Nabi Muhammad SAW bukanlah sebagai isteri, pelengkap dan pendamping lelaki sahaja, tetapi juga sebagai manusia yang memiliki kedudukan yang setara dalam hak dan kewajipan dengan manusia lain di hadapan Allah SWT. Pelbagai tafsiran telah dikembangkan oleh *ulama'* dalam menentukan asas yang membolehkan dan melayakkan wanita memimpin. Perkara ini telah diperluas dengan ketetapan hukum dan pengaruh yang berkembang berasaskan ketentuan dan kaedah *syar' i* dan matlamat tertingginya yang membolehkan konsep kepemimpinan wanita diperluas berlandaskan kaedah yang *syumul* dan kehendak *syariah* dan keperluan *masalahah*. Dalam permasalahan kepemimpinan, agama Islam telah memberikan hak kepada wanita sebagaimana yang diberikan kepada lelaki. Justeru, objektif kajian ini adalah untuk menghuraikan takrif kepemimpinan, kepemimpinan wanita menurut al-Quran dan as-Sunnah serta posisi wanita dalam politik menurut perspektif Islam.

TINJAUAN LITERATUR

Kepimpinan Wanita dalam Islam

Dedi Sahputra et.al. (2001) menjalankan kajian untuk mengetahui bagaimana pandangan Islam mengenai kepemimpinan wanita. Kajian ini menggunakan metod kajian perpustakaan bagi pengumpulan data dan informasi dari berbagai sumber, seperti buku yang mengandungi pelbagai teori yang diperlukan peneliti. Hasil penelitian menunjukkan bahawa tidak hanya lelaki dapat menjadi pemimpin, tetapi wanita juga dapat menjadi pemimpin. Setelah kedatangan Islam, posisi wanita sangat dimuliakan, dihormati, dijaga, dan dijamin hidupnya. Kedudukan wanita menurut pandangan hukum Islam dapat diteliti dalam pelbagai bidang seperti dalam bidang pendidikan, keterampilan, politik, pewarisan dan ibadah.

Pembangunan Kepimpinan Wanita: Membina Ilmu Watan Bagi Kepimpinan Wanita Menerusi Kehidupan Tun Fatimah Hashim

Hasan. M.R (2017) telah mengkaji aspek teori kepemimpinan wanita berdasarkan pengalaman pemimpin wanita Melayu, iaitu Tun Fatimah Hashim (1924–2010). Selama empat dekad kepimpinannya, kedudukan politik Fatimah Hashim sebagai Ketua Kaum Wanita United Malays National Organization, (UMNO) (1956–1972) meletakkan beliau di barisan hadapan kepemimpinan wanita.

Kewujudan budaya patriarki yang masih tebal dan ketiadaan kerangka undang-undang bersifat membela dan memperkasa hak golongan wanita secara tidak langsung mewujudkan isu kepemimpinan wanita. Pertama, sebab-musabab Fatimah Hashim diangkat dijulung sebagai pemimpin wanita Malaysia meskipun berada dalam persekitaran yang tidak mendukung pembangunan kepemimpinan wanita – isu halangan wanita menjadi pemimpin masyarakat. Kedua, sebagai pemimpin wanita, Fatimah Hashim berusaha secara konsisten menuntut hak wanita – isu penerimaan masyarakat terhadap kepemimpinan wanita. Ketiga, zaman yang serba mencabar itu mempengaruhi pencapaian perjuangan hak wanita yang dipimpin oleh Fatimah Hashim – isu keberkesanan kepemimpinan wanita.

Akhirnya, kajian ini menganjurkan agar penjelasan teori kepemimpinan wanita berlandaskan ilmu watan dibangunkan. Hal ini kerana penjelasan pengalaman kepemimpinan

Fatimah Hashim berdasarkan penilaian teori para sarjana tempatan didapati lebih memuaskan berbanding penjelasan teori-empiris yang berpusatkan pengalaman Barat.

Kepimpinan Wanita dari Kacamata Islam

Kajian ini telah dijalankan oleh Tasnim Abdul Rahman (2018) bertujuan untuk membahaskan pendirian Islam berhubung soal kepimpinan wanita dari sudut kebolehan dan keabsahan menggalas tugas kepimpinan dan penyelenggaraan urusan politik dan sosial. Ia mengkaji percanggahan pandangan *ulama'* dalam membolehkan dan melarang wanita melaksana tugas memimpin.

Metod kajian adalah bersifat deskriptif dan analisis dengan meninjau ijtihad *ulama'* dalam karya-karya fiqh dan hukum yang *muktabar* tentang soal kepimpinan. Ia merumuskan pengalaman dan pemahaman mereka yang kritis dari tradisi Islam yang telah meletakkan kepimpinan wanita dalam konteks yang tepat dan praktikal dan sewajarnya sesuai dengan sifat, pembawaan, keperibadian dan kedudukan mereka sebagai pemimpin selaras dengan keupayaan dan naluri dan fitrah kewanitaan yang sebenar.

Penglibatan Politik: Pemeraksanaan Kepimpinan Wanita di Malaysia

Nor Rafidah (2017) telah menjalankan kajian terhadap pemeraksanaan kepimpinan wanita dalam penglibatan politik di Malaysia bagi tahun 1980 hingga 2013. Tujuan kajian ini ialah untuk menjelaskan kesedaran wanita mengenai kepentingan pemeraksanaan kepimpinan wanita dalam penglibatan politik di Malaysia. Kaedah penyelidikan yang digunakan adalah kaedah kualitatif melalui pemerhatian dan temubual bersama beberapa orang responden yang terpilih selain data sekunder yang berkaitan dengan kajian ini.

Data data yang diperolehi dari sumber yang diyakini telah dianalisis secara kualitatif. Bersandarkan kepada teori kepimpinan dan konsep gender, hasil kajian mendapati pemeraksanaan kepimpinan wanita dalam penglibatan politik dapat memberi kesedaran kepentingan wanita sebagai pengimbang gender dalam pentadbiran dan pembuatan keputusan. Secara tidak langsung jurang gender dapat dikurangkan dan dihapuskan.

METODOLOGI KAJIAN

Metodologi kajian merupakan kaedah dan teknik mereka bentuk, mengumpul dan menganalisis data supaya dapat menghasilkan bukti yang boleh menyokong sesuatu kajian. Metodologi menerangkan cara sesuatu masalah yang dikaji dan sebab sesuatu kaedah dan teknik tertentu digunakan. Pengkaji telah menggunakan pendekatan kualitatif dengan menggunakan kaedah perpustakaan dalam menjalankan kajian ini. Kajian perpustakaan sangat penting bagi pengkaji mendapatkan maklumat yang berkaitan dengan kajian yang akan dilakukan. Hasil dari kajian perpustakaan telah banyak membantu pengkaji dalam mencari bahan atau idea mengenai kepimpinan wanita menurut perspektif al-Quran dan as-Sunnah.

DAPATAN KAJIAN

Takrif Kepimpinan

Istilah kepimpinan di definisikan dengan pelbagai cara oleh para pengkaji ilmu kepimpinan, bergantung kepada tumpuan kajian masing-masing (Yukl 1998; Hughes, Ginnet & Curphy 1999, Winston & Patterson 2006; Lussier & Achua 2007; Northouse 2009). Hal ini

menghasilkan kepelbagaian maksud kepimpinan. Kajian oleh Winston & Patterson (2006) menunjukkan terdapat lebih 90 pemboleh ubah atau dimensi yang boleh digunakan untuk memahami maksud kepimpinan menurut perspektif pengkaji-pengkaji kepimpinan daripada pelbagai disiplin. Antara dimensi tersebut ialah keupayaan memberi sokongan, mengambil risiko, aktif, sentiasa terkehadapan, membina kebersamaan, berpengaruh, kreatif, berinovasi, berorientasikan matlamat dan berorientasikan kemanusiaan.

Bagi Northouse (2009), beliau mencerakinkan lima dimensi untuk menjelaskan takrif kepimpinan. Pertama, dimensi kepimpinan adalah berkaitan ciri-ciri individu menyokong pernyataan bahawa pemimpin adalah dilahirkan (nature) dan bukannya dibentuk (nurture). Ia merujuk kepada pemimpin yang mempunyai ciri-ciri khusus seperti berkeyakinan tinggi, bijak membuat keputusan, pandai bergaul dan sebagainya. Kedua, dimensi kepimpinan adalah satu bentuk keupayaan mempunyai persamaan dengan pandangan yang pertama iaitu keupayaan memimpin sebagai bakat semulajadi. Namun, sesetengah pendapat menghujahkan keupayaan memimpin boleh dibangunkan menerusi latihan. Ketiga, dimensi kepimpinan merupakan satu bentuk kemahiran, di mana kepimpinan dilihat sebagai potensi untuk mencapai matlamat organisasi. Ia membuka peluang kepada lebih ramai orang untuk menjadi pemimpin melalui pembelajaran dan latihan. Keempat, dimensi kepimpinan adalah berkaitan tingkahlaku menekankan jenis tingkah laku utama dalam orientasi tugas pemimpin iaitu berorientasikan tugas dan berorientasikan manusia. Kelima, dimensi kepimpinan adalah berkaitan perhubungan mentakrifkan kepimpinan daripada sudut komunikasi dua hala, di antara pemimpin dengan pengikutnya. Dalam hal ini, perlakuan pemimpin mempengaruhi pengikutnya dan begitulah pula sebaliknya.

Kepimpinan Wanita Menurut Al-Quran Dan As-Sunnah

Islam adalah agama yang pengasih. Islam diturunkan untuk mengatur matlamat hidup dalam Islam agar lebih aman dan harmoni serta menyempurnakan nilai-nilai kemanusiaan. Islam telah memberi kesan yang sedemikian terhadap status dan layanan wanita dalam masyarakat. Wanita mempunyai kedudukan dalam Islam, sebagaimana dijelaskan oleh Allah SWT dalam al-Quran.

Perbincangan mengenai wanita dalam jawatan kepimpinan sangat terikat dengan peraturan Islam yang menjamin pengkalan peranan wanita dalam masyarakat. Islam menawarkan platform yang ideal untuk wanita mengambil peranan kepimpinan. Wanita diberi peluang untuk memimpin dalam suasana yang khusus dan sesuai dengan gaya kepimpinan dan kebolehan mereka. Wanita mungkin bermula dalam peranan kepimpinan di rumah. Islam memberi keutamaan kepada kepimpinan wanita terhadap kanak-kanak dengan mewajibkan mereka menjalankan tanggungjawab keibuan untuk menjaga, membesarkan dan mempengaruhi mereka. “Wanita dijadikan ketua dalam rumahtangga. Untuk menjadi ibu, pendidik dan pengasuh yang utama. Wanita adalah “per-empu-an.” Empu ertinya ibu atau peribuan, perkumpulan daripada suami dan anak-anaknya. Lelaki berusaha, wanita mengatur. Dengan itu tercapai keseimbangan hidup.” (Hamka. 2017)

Wanita mempunyai kualiti diri yang sangat istimewa yang menguji keupayaan mereka untuk mengatur, mengurus dan mereka bentuk hal ehwal kepimpinan: kesukaran besar yang ditanggung dengan kesabaran, kesanggupan dan dedikasi yang kuat untuk menjalankan tugas keibuan. Selepas menimba ilmu dan memupuk akhlak anak-anak mereka, wanita boleh memimpin rumah tangga dengan sewajarnya. Akhlak ibu dan didikan yang baik akan tertanam dalam budi pekerti anak. Wanita harus membantu kanak-kanak membentuk masa depan mereka dengan menghiasinya dengan prinsip moral dan agama, perbuatan baik, serta nilai agama.

Wanita juga bertanggungjawab membimbing rumah tangga dan keluarga ke arah yang betul dan menggembarakan Allah. "Rumah adalah kerajaan dalam hal ini si ratu, sang isteri, mempunyai kuasa yang cukup dalam dirinya." (Hamka. 2017)

Sokongan wanita adalah penting untuk mengukuhkan institusi keluarga dan meletakkan asas untuk mewujudkan keluarga bahagia. Hamka, 2017 telah menghuraikan perkara ini dalam bukunya Lembaga Hidup. "Seorang wanita juga mempunyai tugas dan tugas yang unik." Sebelum memikul tanggungjawab, anda mesti memahami bahawa wanita adalah lemah walaupun dia boleh mencari rezeki dan menyara dirinya. Dia mempunyai kekuatan yang berbeza daripada lelaki, dan dia mempertimbangkan pelbagai jenis isu. Jika lelaki kuat membersihkan hutan, suami akan melakukan perkara yang sama, manakala wanita kuat akan bekerja dari rumah. Wanita itu bertanggungjawab membentuk kepingan kayu api supaya sesuai dengan dapur jika suami mempertimbangkan cara untuk membawa minyak ke dalam rumah untuk memasak. Justeru itu, wanita harus menyokong peranan suami mereka sebagai ketua keluarga.

Wanita mempunyai peranan penting dalam kepimpinan keluarga dan membina institusi dan struktur rumah. Hamka, 2017 telah membincangkan tentang tugas utama suami isteri ini di dalam bukunya tetapi tugas utama wanita adalah mengatur rumah dan lelaki bekerja di luar untuk mencari nafkah. Suami tersebut membawa hasilnya pulang dan memberikannya kepada isterinya setelah menggunakan sepenuh usaha badan dan keringatnya. Selain itu, isterinya diberi kawalan sepenuhnya ke atas perkara-perkara kesenangan dan ketenteraman di rumah. Nabi SAW dalam sabdanya yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah: Tiap seseorang anak Adam menjadi "tuan," lelaki menjadi tuan dari ahlinya, dan isteri menjadi tuan di dalam rumah suaminya.

Seterusnya, dengan melihat kepada sejarah perjuangan Islam sejak daripada zaman Nabi Muhammad SAW dan juga para *Khulafa' Ar-Rasyidin*, serta para pemimpin umat Islam yang lainnya, terdapat ramai wanita telah pun digambarkan dalam sejarah kepimpinan wanita. Ini berikutan sejarah telah pun melahirkan sejumlah besar watak wanita yang sama-sama menyertai dan mewakili kepimpinan wanita sepanjang sejarah perjuangan Islam.

Saidatina Khadijah binti Khuwailid merupakan salah seorang isteri Rasulullah SAW. Beliau merupakan seorang ahli perniagaan dan mempunyai kerjaya sebelum berkahwin dengan Rasulullah SAW. Saidatina Khadijah menjadi orang pertama yang beriman selepas berani berkahwin dan terus berjuang untuk Nabi. Sejarah di seluruh dunia tidak menyangkal perkara ini.

Begitu juga Saidatina Aisyah binti Abu Bakar. Beliau merupakan isteri Rasulullah SAW. yang terkenal sebagai pemimpin keilmuan semasa hayatnya. Beliau adalah orang kepercayaan Nabi Muhammad SAW. yang menjadi tempat rujukan para sahabat lelaki dan wanita menuntut ilmu dan belajar bersama baginda. Saidatina Aisyah memang terkenal dengan kepintarannya. Dia mendapat kemasyhuran kerana mengasaskan sekolah pertama pada eranya. Ketika itu, dia bukan sembarangan wanita. Begitu juga dengan Nusaybah binti Ka'ab, seorang sahabatiyah. Beliau terkenal dengan kegagahannya dalam peperangan, yang digunakannya untuk melindungi Rasulullah SAW di mana sahaja Rasulullah berada.

Walau bagaimanapun, terdapat juga orang yang mungkin cuba mengaitkan halangan Islam yang melarang wanita dari memimpin. Salah satunya, memetik dari Surah An-Nisa' (4:34):

الرِّجَالُ قَوُّمُونَ عَلَى النِّسَاءِ بِمَا فَضَّلَ اللَّهُ بَعْضَهُمْ عَلَى بَعْضٍ وَبِمَا أَنْفَعُوا مِنْ أَمْرِهِمْ ۖ فَالصَّالِحَاتُ قَنَاطَتْ حِظْفَاتٍ
لِّلْغَيْبِ بِمَا حَفِظَ اللَّهُ ۗ وَالَّتِي تَخَافُونَ نُشُوزَهُنَّ فَعِظُوهُنَّ وَأَهْجُرُوهُنَّ فِي الْمَضَاجِعِ وَأَضْرِبُوهُنَّ ۗ فَإِنْ أَطَعْنَكُمْ فَلَا
تَبْغُوا عَلَيْهِنَّ سَبِيلًا ۗ إِنَّ اللَّهَ كَانَ عَلِيمًا كَبِيرًا ۝ ٣٤

Maksudnya: Kaum lelaki itu adalah pemimpin dan pengawal terhadap kaum wanita, oleh kerana Allah telah melebihkan orang lelaki (dengan beberapa keistimewaan) atas orang wanita, dan juga kerana orang-orang lelaki telah membelanjakan (memberi nafkah) sebahagian dari harta mereka. Maka wanita-wanita yang salih itu ialah yang taat (kepada Allah dan suaminya), dan yang memelihara (kehormatan dirinya dan apa jua yang wajib dipelihara) ketika suami tidak hadir bersama, dengan pemeliharaan Allah dan pertolonganNya. Dan wanita-wanita yang kamu bimbang melakukan perbuatan derhaka (nusyuz) hendaklah kamu menasihati mereka, dan (jika mereka berdegil) pulaukanlah mereka di tempat tidur, dan (kalau juga mereka masih degil) pukulah mereka (dengan pukulan ringan yang bertujuan mengajarnya). Kemudian jika mereka taat kepada kamu, maka janganlah kamu mencari-cari jalan untuk menyusahkan mereka. Sesungguhnya Allah Maha Tinggi, lagi Maha Besar. (Sheikh Ahmad Mustafa Al-Maraghiy. 2001. Tafsir Al-Maraghiy. Jld. 3. Hal. 1179)

Kemudian ada juga yang mengaitkan daripada surah Al-Baqarah (2:228):

وَهُنَّ مِثْلُ الَّذِي عَلَيْهِنَّ بِالْمَعْرُوفِ ۗ وَلِلرِّجَالِ عَلَيْهِنَّ دَرَجَةٌ ۗ وَاللَّهُ عَزِيزٌ حَكِيمٌ ۝

Maksudnya: Dan isteri-isteri itu mempunyai hak yang sama seperti kewajipan yang ditanggung oleh mereka (terhadap suami) dengan cara yang sepatutnya (dan tidak dilarang oleh syarak); dalam pada itu orang-orang lelaki (suami-suami itu) mempunyai satu darjat kelebihan atas orang-orang wanita (isterinya). Dan (ingatlah), Allah Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana. (Sheikh Ahmad Mustafa Al-Maraghiy. 2001. Tafsir Al-Maraghiy. Jld. 1. Hal. 478)

Disamping itu, terdapat juga hujah lain iaitu berkaitan dengan kenyataan Nabi SAW bahawa Buran, anak wanita Kisra, menggantikan ayahnya sebagai Raja Parsi selepas kematiannya. Seperti yang diriwayatkan oleh Abu Baqra: beliau berkata setelah Rasulullah SAW mendengar orang Parsi melantik anak wanita Kisra menjadi pemimpin mereka, lalu Rasulullah SAW. bersabda tidak akan mencapai kejayaan selama-lamanya sesuatu kaum yang melantik wanita untuk memimpin urusan mereka.

Ulama' fiqh telah membincangkan tentang perkara ini dan membahagikan kepimpinan kepada dua bahagian. Yang pertama ialah *wilayah 'ammah*, iaitu peranan kepimpinan yang paling luas dan tertinggi, seperti khalifah atau pemimpin tertinggi sesebuah negara. Kedua, kepimpinan dari *wilayah khas*, iaitu kepimpinan di peringkat rendah daripada jawatan paling berkuasa dalam sesebuah negara.

Sistem perundangan dan proses syariah perlu diambil kira semasa menilai kepimpinan wanita di dalam dan di luar institusi masyarakat. Syarat-syarat yang meletakkan dasar dan asas kepimpinan ialah kemampuan untuk mengurus tugas, kemampuan untuk menyempurnakan, menunaikan amanah dengan penuh kekuatan dan kecekapan. Islam mewajibkan wanita menjalani kehidupan yang lebih sesuai dengan dorongan dan sifat halus mereka kerana ia

mengakui bahawa wanita masih mempunyai batasan dan keupayaan fizikal yang terhad. Islam sangat mementingkan peribadi dan maruah wanita serta meminta agar nilai dan maruah mereka dipertahankan.

Menjaga kesucian akhlak dan mempertahankan kehormatan wanita adalah keutamaan Syariah. Islam menggalakkan wanita yang memimpin untuk mengangkat masyarakat dan membuka jalan kebenaran agama. Rasa tertib yang membara dalam rumah tangga dan masyarakat boleh dicetuskan oleh kepimpinan wanita yang murni dan adil, sebagai "penghulu" dan "permaisuri" dalam rumah tangga, kerana kehalusan dan kesempurnaan susunannya.

Sesungguhnya, Islam tidak menghalang wanita bersama-sama dalam soal kepimpinan. Jadi, ia bukan meniadakan hak tetapi untuk memberikan maslahat atau faedah dan mengelakkan bencana yang mendatang. Kepimpinan tertinggi itu meliputi keseluruhan iaitu lelaki dan wanita. Sepertimana firman Allah SWT dalam surah Al-Baqarah (2:30):

وَأذْ قَالَ رَبُّكَ لِلْمَلٰئِكَةِ اِنِّيْ جَاعِلٌ فِي الْاَرْضِ خٰلِيفَةً ۗ قَالُوْۤا اَجْعَلْ فِيْهَا مَنْ يُفْسِدُ فِيْهَا وَيَسْفِكُ الدِّمَآءَ وَنَحْنُ نُسَبِّحُ بِحَمْدِكَ وَنُقَدِّسُ لَكَ ۗ قَالَ اِنِّيْۤ اَعْلَمُ مَا لَا تَعْلَمُوْنَ

Maksudnya: *Dan (ingatlah) ketika Tuhanmu berfirman kepada Malaikat, “Sesungguhnya Aku hendak menjadikan seorang khalifah di bumi. Mereka bertanya (tentang hikmat ketetapan Tuhan itu dengan berkata, “Adakah Engkau (Ya Tuhan kami) hendak menjadikan di bumi itu orang yang akan membuat bencana dan menumpahkan darah (berbunuh-bunuhan), padahal kami sentiasa bertasbih dengan memujiMu dan mensucikanMu?”. Tuhan berfirman: “Sesungguhnya Aku mengetahui akan apa yang kamu tidak mengetahuinya.”* (Sheikh Ahmad Mustafa Al-Maraghiy. 2001. Tafsir Al-Maraghiy. Jld. 1. Hal. 72)

Setiap orang mempunyai potensi untuk menjadi pemimpin, seperti yang terdapat dalam kata-kata di atas. Kedua-dua lelaki dan wanita boleh menjadi pemimpin, walaupun istilah "pemimpin" mempunyai pelbagai definisi. Disandarkan dengan hadis yang mengatakan: "Setiap kamu adalah pemimpin. Dan setiap kamu bertanggungjawab terhadap apa yang dipimpinya."

عن ابن عمر رضي الله عنهما، عن النبي صلى الله عليه وسلم قال: كلكم راعٍ، وكلكم مسؤولٌ عن رعيته، والأمير (راعٍ)، والرجل راعٍ على أهل بيته، والمرأة راعية على بيت زوجها وولده، فكلكم راعٍ، وكلكم مسؤول عن رعيته (أخرجه بخاري ومسلم، في باب حق الزوج على المرأة، في كتاب المقدمة رياض الصالحين، رقم ٢٨٣)

Al-Quran memberikan wanita hak untuk menjadi pemimpin, sebagaimana hak diberikan kepada lelaki. Jadi, kepimpinan bukanlah dimonopoli oleh lelaki, tetapi boleh diduduki dan dipegang oleh wanita juga. Manusia hendaklah menjadi pemimpin, menurut Allah SWT baik untuk lelaki dan wanita. Islam menawarkan peluang yang luas kepada wanita untuk bekerja demi kebahagiaan dunia dan akhirat, justeru mereka mesti dididik untuk membesarkan anak-anak mereka menjadi Muslim yang taat.

Untuk mencapai kebahagiaan dunia dan akhirat, Islam menuntut agar wanita dapat memahami hak dan kewajibannya, memahami tuntunan Islam dengan sempurna, mengetahui

cara mendidik secara efektif serta melaksanakan *mu'amalah* dengan menggunakan ketentuan yang telah ditetapkan ini. Islam juga berusaha mendidik penganutnya agar mereka mengikuti ajaran Al-Quran dan Hadis.

Posisi Wanita Dalam Politik Menurut Perspektif Islam

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, “politik” dimaksudkan dengan ilmu (pengetahuan) bukan cara pemerintahan dan lain-lain. Selain itu, ia juga di definisikan sebagai segala sesuatu bukan pemerintahan sesebuah negara atau hubungannya dengan negara lain. Seterusnya, politik juga bermaksud kelicikan, muslihat, dan tipu muslihat. Politik dalam Islam dikenali dengan *As-Siyasah* yang memberi maksud bahawa setiap aktiviti manusia yang berkaitan dengan solusi pelbagai masalah dan mewujudkan keamanan terhadap masyarakat. Wanita mempunyai kemampuan dan keupayaan memimpin yang tinggi. Kepimpinan mereka begitu penting dalam pembentukan institusi kemasyarakatan ke arah pemerikasaan bangsa yang lebih baik. Di sebalik beberapa pengecualian yang membataskan skop kepimpinan mereka, wanita juga menggalas tugas seperti mentadbir dan memimpin.

Kepimpinan wanita juga terserlah di medan politik. Wanita turut aktif sebagai mereka yang mewakili pendapat dan pandangan masyarakat umum. Wanita kini memegang hampir satu pertiga daripada kerusi parlimen dalam sistem dan amalan demokrasi, dan mereka teguh bersuara untuk kepentingan awam. Abul A'la Mawdudi percaya bahawa wanita harus terlibat dalam masalah nasional dan politik yang penting. Ini ditekankan dalam tulisannya mengenai kepimpinan dan pemerikasaan wanita, yang dikaji oleh Zeenath Kausar:

"Mawdudi tidak pernah berpendapat bahawa wanita harus benar-benar menyibukkan diri dalam tanggungjawab kepada keluarga sehari-hari sehingga mereka harus melupakan tanggungjawab mereka terhadap masyarakat, negara, umat Islam dan umat manusia secara keseluruhannya. Beliau sering menegaskan bahawa begitu terpuji jika wanita Islam menyimpan sedikit masa dan tenaga mereka, selepas melaksanakan tanggungjawab asas kepada keluarga mereka untuk menumpukan diri kepada kerja-kerja dakwah. Justeru untuk melawan bentuk jahiliyyah yang lama dan baru, dan menggunakan hak politik mereka untuk menubuhkan Islam secara keseluruhannya." (Zeenath Kausar, 2008, 52)

Terdapat sekurang-kurangnya dua cara utama untuk terlibat dalam politik yang dibincangkan oleh ahli sains politik moden mahupun oleh ahli fiqh. Penglibatan secara langsung dan tidak langsung, seperti yang ditakrifkan oleh ahli sains politik moden dan ahli fiqh melalui pembahagian bidang kuasa wanita kepada dua wilayah, *wilayah khas* dan *wilayah 'ammah* untuk wanita, untuk tujuan hal ehwal luarnya. Wilayah Khassah disebut sebagai bidang kuasa yang khusus atau biasa bagi wanita melaksanakannya kerana sifat tugas itu dekat dengan naluri kewanitaan, walaupun terdapat banyak percanggahan antara definisi dan tanggapan mengenai kedua-dua istilah ini. Walaupun *wilayah 'Ammah* adalah bidang kuasa am, tugas di sana memerlukan tenaga kerja yang besar dan membuat keputusan di peringkat tinggi. Bidangkuasa ini majoriti nya tidak dibenarkan oleh *ulama'* dan antara jawatannya adalah khalifah, hakim atau istilah lain yang seumpama dengannya.

Para *ulama'* juga telah bersepakat mengatakan bahawa wanita tidak dibenarkan menjadi khalifah atau istilah biasa yang terpakai hari ini ialah ketua negara. Ini adalah kerana

tanggungjawab seorang khalifah adalah berat yang meliputi tugas sebagai pengganti kepemimpinan Rasulullah SAW dalam menegakkan agama Islam dan melaksanakan politik dan pentadbiran negara berdasarkan panduan *syara'*. Penglibatan wanita secara tidak langsung adalah apabila wanita hanya menceburi bidang politik kecil seperti membantu dalam urusan politik sebagai pentadbir, terlibat dalam urusan perkeranian, pengkritik politik, penganalisis politik, mendengar ceramah politik dan sebagainya. Di samping itu, ia juga merujuk kepada kuasa politik wanita seperti jawatan sebagai ketua pergerakan wanita, menteri hal ehwal wanita dan lain-lain. Jawatan lain yang juga termasuk dalam *wilayah 'ammah* ialah jawatan menteri (*wazir*). Justeru, terdapat dua perbezaan pendapat sama ada wanita dibenarkan menjadi menteri atau tidak.

Menurut pandangan yang pertama (antaranya yang dikemukakan oleh al-Mawardi) wanita juga tidak dibolehkan menjadi menteri khususnya yang melibatkan penggubalan dasar dan keputusan negara kerana sifat jawatan ini yang hampir sama bidang kuasanya dengan ketua negara iaitu membuat keputusan yang melibatkan rakyat seluruhnya. Apabila seseorang ketua negara tiada, tanggungjawab memimpin negara akan diambil alih pula oleh menteri-menteri utama di bawahnya. Pandangan yang kedua (antaranya dikemukakan oleh Ibn Hazm) berpendapat bahawa wanita boleh menjadi menteri atau jawatan lain selain khalifah kerana tiada nas atau dalil yang jelas menghalang penglibatan tersebut. Pandangan ini disokong oleh firman Allah SWT dalam surah at-Taubah (9:71):

وَالْمُؤْمِنُونَ وَالْمُؤْمِنَاتُ بَعْضُهُمْ أَوْلِيَاءُ بَعْضٍ يَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَيُقِيمُونَ الصَّلَاةَ وَيُؤْتُونَ الزَّكَاةَ وَيُطِيعُونَ اللَّهَ وَرَسُولَهُ ۗ أُولَٰئِكَ سَيَرْحَمُهُمُ اللَّهُ إِنَّ اللَّهَ عَزِيزٌ حَكِيمٌ

Maksudnya: *Dan orang yang beriman, lelaki dan wanita, setengahnya menjadi penolong bagi setengahnya yang lain; mereka menyuruh berbuat kebaikan dan melarang daripada berbuat kejahatan; dan mereka mendirikan sembahyang dan memberi zakat, serta taat kepada Allah dan rasul-Nya. Mereka itu akan diberi rahmat oleh Allah; sesungguhnya Allah Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana.* (Sheikh Ahmad Mustafa Al-Maraghiy. 2001. Tafsir Al-Maraghiy. Jld. 5. Hal. 2825)

Selain daripada itu, pandangan tersebut juga berpandukan kepada hadith Rasulullah SAW tentang kepimpinan yang melibatkan semua golongan, sama ada lelaki mahupun wanita:

كُلُّكُمْ رَاعٍ وَكُلُّكُمْ مَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ

Maksudnya: *Setiap dari kamu adalah pemimpin dan setiap pemimpin adalah bertanggungjawab atas mereka yang dipimpin.* أخرجه بخاري ومسلم، في باب حق الزوج على المرأة، (٢٨٣) في كتاب المقدمة رياض الصالحين، رقم

Perbezaan pandangan ini bukan sekadar kerana tiadanya nas yang *qat'i* dan *sarih* (jelas) tentang kuasa wanita dalam politik tetapi juga kerana wanita tidak pernah melibatkan diri secara langsung dalam politik berjawatan sepanjang zaman Rasulullah SAW.

Dari penjelasan di atas, jelas menunjukkan bahawa wanita mempunyai hak untuk melibatkan diri dalam politik *wilayah 'ammah* sekiranya berpegang kepada pandangan yang kedua, kecuali bagi jawatan tertinggi negara iaitu *khalifah* yang telah disepakati pengecualiannya oleh majoriti *ulama*'. Dalam suasana politik di Malaysia, penglibatan wanita Islam dalam politik telahpun berada di peringkat ini.

Secara umumnya, lelaki dan wanita perlu berupaya memimpin dan mentadbir serta mempunyai prinsip moral yang kukuh seperti kejujuran, amanah dan menjaga batas-batas aurat berpersatuan bagi melindungi wanita daripada fitnah. Wanita juga mesti mematuhi piawaian etika tertentu apabila mengambil bahagian dalam aktiviti luar, terutama dalam bidang politik. Etika yang meliputi perkara seperti mendapatkan persetujuan penjaga atau suami, tidak mengabaikan tugas penting sebagai isteri dan ibu dalam rumahtangga, memastikan kerja rumah dilakukan dengan baik, dan tidak menyakiti diri sendiri atau orang lain.

Kesimpulan

Islam mengakui bahawa wanita dicipta di samping lelaki sebagai gandingan supaya saling melengkapi dalam mentadbir masyarakat dan menerajui pemerintahan. Walaupun ia diperdebatkan oleh ahli *ulama*' dan pakar akademik sama ada wanita harus dibenarkan atau tidak untuk mengejar kerjaya dan jawatan dalam organisasi. Perselisihan pendapat *ulama*' tentang perkara ini menunjukkan kepandaian mereka menganalisis masalah kewanitaan demi menjaga martabat wanita. Perselisihan pendapat *ulama*' juga harus dilihat sebagai rahmat untuk ummah kerana fleksibiliti fiqh adalah penting dalam menangani perubahan masa dan tempat. Islam mewajibkan wanita berkhidmat dalam jawatan kepimpinan dan autoriti agar Islam menegakkan kesaksamaan dan keadilan untuk semua orang tanpa mengira jantina. Piawaian patuh Syariah telah diwujudkan bagi memandu pemimpin wanita agar sentiasa mendahulukan Islam dalam semua keputusan mereka.

Di samping itu, Islam tidak menolak kepimpinan wanita sebagai pemimpin tetapi menekankan kesesuaian wanita untuk menggalas tugas yang sesuai dengan ciri-ciri kewanitaan. Dalam konteks yang sangat luas, Islam menjunjung martabat wanita dan meletakkan mereka dalam peranan kepimpinan. Bagi meningkatkan kemakmuran negara, wanita juga digalakkan untuk menyumbang kepada penghayatan agama dan kemajuan negara. Selain itu, wanita turut dianugerah dengan kebolehan dan kecekapan memimpin sepertimana telah terbukti dalam catatan sejarah.

RUJUKAN

- Ahmad Mustafa Al-Maraghiy. 2001. Tafsir Al-Maraghiy. Dewan Bahasa Dan Pustaka Kuala Lumpur. Jld. 1. Hal. 478.
- Al-Mawardi, (tt) al-Ahkam al-Sultaniyyah, Beirut: Dar al-Fikr, hal. 15
- Bushrah Basiron. (2005). “Wanita dan Kepimpinan Menurut Perpektif Islam”. Seminar Wanita Profesional, Kuala Lumpur
- Hamka. 2016. *Lembaga Hidup*. Pts Publishing House.
- Hasan, M. R. (2017). Pembangunan Kepimpinan Wanita: Membina Ilmu Watan Bagi Kepimpinan Wanita Menerusi Kehidupan Tun Fatimah Hashim. *Kajian Malaysia: Journal of Malaysian Studies*, 35(1).
- Hibah Ra’uf, Izzat. 1997. Al-Mar’ah wa al-A’mal al-Siyasi: Ru’yah Islamiyyah. (terj.) Bahruddin Fannani, Penglibatan Wanita Dalam Politik Mengikut Perspektif Islam. Kuala Lumpur: The International Institute of Islamic Thought.
- Ibn Hazm, (1970) al-Muhalla, Mesir: Matba'ah al-Jumhuriyyah, jld. 9, hal. 55.
- Noor Aziah Haji Mohd Awal. (1995). Wanita: Perspektif Undang-Undang dan Kepimpinan. Bangi: Fakulti Undang-Undang, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Northouse, P.G. 2009. Introduction to Leadership: Concepts and Practice. USA: SAGE Publications.
- Nurul Izza Abdul Aziz. (2017). “Wanita, Kerjaya dan Kelestarian Pembangunan: Bagaimana Perspektif Islam”. E-Proceedings the International seminar on Islamic jurisprudence in contemporary society (ISLAC 2017), 309-315.
- Rahman, T. A. (2018, September). Kepimpinan Wanita dari Kacamata Islam. In *Prosiding Seminar Antarabangsa al-Quran dalam Masyarakat Kontemporari* (Vol. 15, No. 16).
- Saidon, N. R., Daud, S., & Samsudin, M. (2017). Penglibatan Politik: Pemerkasaan Kepimpinan Wanita Di Malaysia (1980-2013). *e-BANGI*, 12(1), 137-150.
- Sharifah Hayaati Syed Ismail. (2002). “Kepimpinan Wanita Dalam Politik Dari Perspektif Siyasah Syar’iyyah”. *Jurnal Syariah*, 10:2, 109-122.
- Utara, S. A. I. L. S., & Utara, F. U. S. (2001). Kepimpinan Wanita Dalam Islam.
- Winston, B.E. & Patterson, K. 2006. An Integrative Definition of Leadership. *International Journal of Leadership Studies*, Vol. 1 Issue 2: 6-66
- Zaiton Ghani. 1984. “Wanita Melayu Dalam Politik 1946-1948” dalam Khoo Kay Kim (ed.), *Sejarah Masyarakat Melayu Moden*. Kuala Lumpur: Persatuan Muzium Malaysia.
- Zeenath Kausar. (2008). Sayyid Abul Ala Mawdudi on the Empowerment of Women in the Family, Society, State and Islamic Movement: a Few Reflections. Batu Caves: Thinker’s Library.